

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1997/98

YBP 222/ YBP305 - Komunikasi Dalam Organisasi

September 1997

Masa: 3 jam

ARAHAN KEPADA CALON:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 2 muka surat bercetak dan EMPAT soalan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan. Semua jawapan mesti ditulis dalam Bahasa Malaysia.

Agihan markah bagi soalan diberikan di sudut sebelah kanan soalan berkenaan.

1. Kompleksiti, formalisasi dan pemusatan adalah elemen-elemen yang sering dikaji untuk memahami organisasi formal. Bincangkan dengan ringkas ketiga-tiga elemen tersebut, kemudian jelaskan bagaimana elemen kompleksiti mempengaruhi aliran maklumat dalam organisasi.

(100 markah)

2. Dengan contoh-contoh yang jelas, bincang setakat manakah pendekatan analisis sistem menekankan peranan komunikasi dalam operasi harian sesebuah organisasi? Jawapan anda perlulah dibuat dari sudut komponen sistem, proses sistem, dan sifat sistem.

(100 markah)

...2/-

3. "Burnout" atau kelusuhan yang dirasakan dalam pekerjaan boleh memberikan kesan yang negatif kepada produktiviti pekerja. Bincangkan peranan komunikasi dalam mewujudkan "burnout" dan jelaskan dengan contoh-contoh yang sesuai mekanisme komunikasi untuk mengatasinya.

(100 markah)

4. Organisasi sering disaran untuk mewujudkan budaya cemerlang. Bandingkan Pendekatan Priskriptif dengan Pendekatan Diskriptif tentang budaya dalam organisasi. Bincangkan peranan komunikasi dalam mewujudkan budaya cemerlang dalam organisasi.

(100 markah)

-ooOoo-